

# Program kecemerlangan bantu calon SPM

**T**AK kenal maka tak cinta. Begitu lah perumpamaan yang sering kita dengar dalam menilai minat dan kecintaan seseorang akan sesuatu perkara atau individu.

Perumpamaan itu memang tepat kerana semakin mengenali sesuatu itu maka pastinya kita akan semakin mengingatinya atau lebih mudah mencintainya.

Atas dasar inilah Pusat Citra Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama pelajar kursus kemahiran insaniah Fakulti Sains dan Teknologi menganjurkan Program Menuju Puncak Kecemerlangan Tiga.

Program sehari yang melibatkan pelajar sekolah ke universiti berkenaan bersifat serampong dua mata dengan tujuan meningkatkan kecemerlangan pelajar dan membakar semangat mereka untuk memasuki universiti.

Program bertemakan Bicara Siswa Wadah Kejayaan itu melibatkan empat buah sekolah iaitu Sekolah Seri Al-Amin, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga, SMK Bandar Baru Bangi dan SMK Dato' Abu Bakar Baginda.

Program itu menyasarkan golongan pelajar yang bakal menjejakkan kaki ke menara gading khususnya pelajar

yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan persediaan pelajar dalam menghadapi peperiksaan selain meningkatkan kemahiran komunikasi, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan pendekatan.

Antara pengisian program ini termasuklah slot motivasi Kenali Potensi Diri bersama Kaunselor dan Penyelaras Hal Ehwal Pelajar PERMATA Pintar UKM, Dr. Rorhinda Yusof selain program Mentor-Mentee cara kehidupan mahasiswa di universiti.

Pada sebelah petang pula, ceramah motivasi bertajuk Menuju Remaja Cemerlang telah disampaikan Pengarah Operasi Vision Consultant Sdn. Bhd., Zul Hifdzi Mohd Nasir, Pertandingan menguji pengetahuan peribahasa bahasa Inggeris *Guest It Right* dan juga *Tongue Twister* selain penampilan Ikon Pencetus Ummah, Rahmat Ikhshan Mohd Sofyan yang memberi ceramah dan tazkirah kepada pelajar.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Citra UKM, Prof. Dr. Khaidzir Ismail.

Yang turut dihadiri Penasihat program, Prof. Madya Dr. Fazilah Idris.

**SEBAHAGIAN** daripada pelajar yang terlibat dalam menjayakan Program Menuju Puncak Kecemerlangan Tiga di UKM, Bangi, Selangor, baru-baru ini

